

90% rakyat tidak terkesan dengan pengecualian subsidi

Mekanisme subsidi RON95 tidak penting - Anwar

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Isu mekanisme pelaksanaan rasionalisasi subsidi RON95 tidak perlu dirungsingkan kerana ia tidak memberi kesan kepada 85 hingga 90 peratus rakyat biasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pengecualian subsidi hanya untuk warga asing dan golongan maha kaya yang bergaji RM50,000 sebulan.

"Apa pun kaedah yang diperkenalkan dalam isu rasionalisasi ini janganlah dengar (kesannya) ia menyebabkan kenaikan tarif elektrik.

"Yang naik itu untuk golongan kaya sahaja. Begitu juga minyak RON 95, yang dikenakan (pengecualian subsidi) adalah warga asing dan golongan maha kaya yang bergaji RM50,000 sebulan," katanya selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Raja Tun Uda Seksyen 16, di sini semalam.

Sementara itu, menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri, Perdana Menteri menasihatkan



ANWAR Ibrahim bercakap kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Raja Tun Uda. Shah Alam, semalam. - UTUSAN/ISKANDAR ISHAK

orang ramai yang mula pulang ke kampung halaman supaya memandu dengan berhati-hati dan berwaspada.

Katanya, ia bagi memastikan statistik kemalangan tidak terus meningkat setiap kali musim

perayaan.

"Menjelang Hari Raya Aidilfitri saya meminta mereka yang pulang ke tempat masing-masing supaya ambil semua langkah yang perlu agar memandu dengan lebih waspada.

"Jumlah kemalangan agak meningkat terlalu tinggi dan kita harus elakkan. Kita hendak pergi (balik kampung) untuk silaturahim, kalau kemalangan akan menyusahkan saudaramara," katanya.